



## UMP, AELB jalin kerjasama dalam kawal seliaan keselamatan sinaran dan nuklear

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) yang merupakan sebuah badan penguatkuasaan berkaitan nuklear dan penggunaan tenaga atom.

Kerjasama strategik ini bakal memanfaatkan pembangunan akademik termasuk pengajaran dan pembangunan penyelidikan terutamanya mengaitkan kawal seliaan keselamatan nuklear dan sinaran.

Hadir menyaksikan acara bersejarah ini adalah Timbalan Menteri Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Yang Berhormat Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah. UMP diwakili oleh Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz. Manakala AELB, diwakili Ketua Pengarahnya, Raja Dato' Abdul Aziz Raja Adnan dan Pengerusi AELB, Profesor Datuk Dr. Sukiman Sarmani.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, kerjasama ini merupakan inisiatif kedua-dua pihak dalam urusan operasi kawal seliaan pencemaran nuklear dan sinaran yang akan dilaksanakan secara usaha sama bagi memastikan keselamatan penduduk awam Malaysia sentiasa terjamin berdasarkan piawaian yang ditetapkan oleh pihak berautoriti.

"Dalam program ini, pelajar dan staf

UMP akan mengadakan penyelidikan dari semasa ke semasa serta melaksanakan program kesedaran awam dalam bidang keselamatan sinaran," katanya dalam majlis menandatangani MoU antara UMP dan AELB yang diadakan di Hotel Zenith Kuantan pada 9 September 2013 yang lalu.

Kedua-duanya juga bakal meneroka dan meninjau bidang akademik yang membolehkan pelajar dan staf di universiti ini dapat mengikuti program jangka pendek ataupun secara jangka panjang di UMP ataupun di AELB.

Beliau berkata, perkembangan teknologi pada kurun ke-21 ini telah mencapai sasaran yang sangat signifikan dalam memenuhi keperluan dan kepentingan masyarakat dunia mencakupi bidang melibatkan energi, informasi dan bioteknologi.

Justeru katanya, UMP melihat adanya peluang untuk terlibat dalam pengembangan penyelidikan dan industri, terutamanya di dalam bidang *advanced materials* yang merangkumi kelompok nadir bumi.

Sementara itu, YM Raja Dato Abdul Aziz pula mengatakan kerjasama dua hala ini merupakan tanda permulaan usaha dua agensi ini untuk melakukan penyelidikan mengenai kawal seliaan keselamatan nuklear dan sinaran di Malaysia secara bersama.

"Projek penyelidikan bersama ini akan

dijalankan melalui data yang akan diperoleh melalui Aerosol Monitoring System (AMS) yang dipasang untuk memantau tahap sinaran persekitaran dari aktiviti syarikat Lynas (Malaysia) Sdn. Bhd. di Gebeng Kuantan.

Tambahnya, dua Unit AMS akan dipantau dan dioperasikan oleh pihak UMP dan data yang diperoleh akan digunakan secara bersama bagi tujuan kawal seliaan sinaran.

Beliau mengharapkan ianya akan meningkatkan kepercayaan awam terhadap data yang diperoleh dari AMS yang memantau tahap sinaran persekitaran dari syarikat Lynas dan yang seumpama dengannya.

Kerjasama ini juga tidak terhad kepada pertukaran maklumat teknikal dalam isu Lynas berkaitan Nadir bumi sahaja malah ia juga boleh dikembangkan meliputi isu keselamatan penggunaan teknologi sinaran di Malaysia.

Menurutnya, penggunaan teknologi sinaran seperti sinaran Gamma banyak digunakan bagi mengesan kebocoran paip khususnya dalam bidang cari gali minyak.

Pihak AELB turut mengambil peluang dengan dalam kerjasama ini dengan meningkatkan kompetensi akademik pegawai AELB dengan menghantar pegawai AELB untuk mengikuti program sarjana dan doktor falsafah dalam bidang kejuruteraan dan alam sekitar.